



GARIS PANDUAN PENGISIAN KEDAI

PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) NEGERI SABAH

1. TUJUAN

1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam pengurusan pengisian kedai di kawasan PPR di seluruh Negeri Sabah.

2. PROSEDUR

2.1 Pemohon dikehendaki mengemukakan permohonan menggunakan borang yang disediakan oleh PBT dan disertakan dengan dokumen-dokumen sokongan serta memenuhi syarat-syarat berikut ;

- a) Pemohon mestilah penduduk yang tinggal di dalam daerah tersebut dan warganegara Malaysia;
- b) Pemohon mestilah berumur tidak kurang 21 tahun;
- c) Pemohon mestilah beralamat di kawasan kediaman yang berhampiran dengan PPR berkenaan atau beralamat di dalam daerah berkenaan;
- d) Pemohon perlu mempunyai Lesen berniaga (di bawah Ordinan Perlesenan Perdagangan, 1948) di daerah tersebut yang masih sah;
- e) Pemohon mestilah peniaga sepenuh masa;
- f) Pemohon hendaklah mengemukakan;
 - i. Penyata akaun Bank terkini borang permohonan (modal minimum RM3,000);
 - ii. Pelan susun atur premis/pelan lantai premis;
 - iii. Pelan Bangunan

- g) Jika permohonan melibatkan aktiviti perniagaan, dokumen-dokumen berikut perlu disertakan.
- i. Restoran/Cafe/Gerai/Pengendali Makanan
 - Pengesahan Kesihatan (Kad Kesihatan) dan Sijil Pengendalian Makanan (Wajib);

ATAU
 - ii. Salon Rambut
 - Pengesahan Kesihatan (Kad Kesihatan) dan Sijil Kemahiran Kecantikan/Pendandan Rambut (Wajib);

ATAU
 - iii. Pusat Kecantikan/Rawatan Kesihatan;
 - Pengesahan Kesihatan (Kad Kesihatan) dan Sijil Kemahiran Kecantikan;

ATAU
 - iv. Bakeri;
 - Pengesahan Kesihatan (Kad Kesihatan) dan Sijil Pengendalian Makanan (Wajib).

2.2 Pemohon dikehendaki mengemukakan permohonan menggunakan borang yang disediakan oleh PBT dan disertakan dengan dokumen-dokumen sokongan serta memenuhi syarat-syarat berikut ;

- a) Pemohon memenuhi senarai (2.1 **Kriteria Pemilihan**)
- b) Pemohon mestilah berumur tidak kurang 21 tahun;
- c) Pemohon mestilah beralamat di kawasan kediaman yang berhampiran dengan PPR berkenaan atau beralamat di dalam daerah berkenaan;
- d) Syor permohonan yang terpilih berserta petikan minit akan dipanjangkan ke KKTP untuk tindakan lanjut.(Pengeluaran surat tawaran yang ditandatangani oleh Setiausaha Tetap); dan
- e) Bagi permohonan yang gagal,PBT akan memberikan

maklumbalas melalui surat atau panggilan telefon bagi memaklumkan pemohon bahawa permohonan mereka telah ditolak kerana tidak layak.

- 2.3 Permohonan yang didapati layak dan diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Konsultatif di peringkat PBT akan diberikan surat tawaran menduduki seunit rumah PPR yang ditandatangani oleh Setiausaha Tetap KKTP;

atau

Setiausaha Tetap memberi kuasa kepada Pegawai Eksekutif di PBT berkenaan untuk mengeluarkan surat tawaran kepada pemohon yang layak.

Note: Kementerian tidak akan mengeluarkan sebarang surat atau memo makluman kepada mana-mana pemohon yang gagal dalam permohonan mereka.

3. SYARAT LESEN PERNIAGAAN

- 3.1 Premis perniagaan yang dilesenkan hendaklah digunakan untuk aktiviti perniagaan seperti yang tercatat dalam lesen.
- 3.2 Lesen perniagaan hendaklah sentiasa dipamerkan di tempat di dinding yang mudah dilihat.
- 3.3 Menyewakan lesen kepada orang ketiga selain penama yang tercatat di dalam lesen adalah tidak dibenarkan/dilarang.
- 3.4 Aktiviti perniagaan hendaklah dijalankan dalam premis sahaja dan dilarang sama sekali menggunakan kaki lima atau kawasan persekitaran.
- 3.5 Bangunan premis yang dilesenkan tidak boleh diubahsuai tanpa kebenaran daripada PBT.
- 3.6 Kebersihan hendaklah sentiasa dijaga samada di dalam atau di luar bangunan.
- 3.7 Mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan aktiviti

perniagaan yang dijalankan tidak menyebabkan pencemaran alam sekitar, kacau bunyi, bau busuk dan halangan.

- 3.8 Tong sampah yang mencukupi perlu disediakan dan sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam beg-beg plastik sebelum dibuang ke dalam tong sampah.
- 3.9 Pemeliharaan binatang di dalam premis seperti anjing, kucing, ayam dan sebagainya adalah dilarang.
- 3.10 Penjualan tong gas (Liquid Petroleum Gas-LPG) adalah tidak dibenarkan demi keselamatan setempat.

4. JENIS PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

4.1 Barangan;

- Kedai runcit, kedai serbaneka, kedai alat tulis, kedai barangan basah dan kering;
- Kedai makanan dan minuman (*ready made*) dan memasak tidak dibenarkan di dalam premis tersebut.

4.2 Perkhidmatan;

- Kedai gunting rambut, cybercafe, perkhidmatan fotokopi;
- Klinik Kesihatan, Perkhidmatan Pos.

5. PAPAN TANDA PREMIS PERNIAGAAN

- 5.1 Penggunaan papan tanda hendaklah bersesuaian dan tidak menjejaskan bentuk atau fasad bangunan.
- 5.2 Saiz papan tanda 2 kaki x 8 kaki tertakluk kepada kebenaran PBT.

6. KEPERLUAN TEKNIKAL

- 6.1 Merubah struktur atau bentuk atau fasad bangunan adalah tidak dibenarkan.

- 6.2 Pengubahsuaian hanya melibatkan ruang dalaman dan perlu mendapat kelulusan daripada PBT.
- 6.3 Pemasangan aksesori lain seperti penghawa dingin, lampu tambahan, partition, awning, grill dan seumpamanya perlu dimaklumkan dan mendapat persetujuan Management Company di kawasan PPR tersebut.
- 6.4 Pemasangan awning di kaki lima memerlukan kelulusan PBT bagi setiap kaki persegi awning akan dikenakan caj mengikut kadar yang telah ditetapkan.

7. KADAR SEWA BAGI PREMIS PERNIAGAAN

- 7.1 Kadar sewa bagi premis perniagaan ditetapkan melalui penilaian dan kadar sewa yang diluluskan.
- 7.2 Sebarang bayaran tidak dikenakan ke atas jenis perkhidmatan kerajaan seperti Klinik, Pejabat Pos dan Taska (*non-profit organisations*). Namun, kos-kos penyelenggaraan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh penyewa.

8. PELANGGARAN SYARAT

- 8.1 Sekiranya syarat-syarat di atas dan syarat-syarat semasa yang akan ditetapkan oleh pihak PBT tidak dipatuhi, maka tindakan penguatkuasaan merangkumi penamatan kontrak, notis amaran, sitaan, penutupan premis, penggantungan lesen dan pembatalan lesen serta lain-lain tindakan boleh diambil mengikut undang-undang berkaitan dengan aktiviti dan/atau premis perniagaan.
- 8.2 Tindakan pengeluaran notis amaran atau penarikan/penamatan boleh dikenakan kepada penyewa yang tidak menjalankan operasi perniagaan tanpa sebab.

9. PEMANTAUAN PREMIS PERNIAGAAN

- 9.1 Pemantauan premis perniagaan akan dilakukan oleh PBT mengikut

perancangan yang telah ditetapkan oleh PBT.

10. LAIN-LAIN

- 10.2 Sebarang perubahan maklumat berkaitan aktiviti dan/atau premis perniagaan, hendaklah dimaklumkan kepada PBT.
- 10.3 PBT berhak untuk mengeluarkan apa-apa syarat, peraturan atau arahan dari semasa ke semasa.

11. TARIKH KUATKUASA

- 11.1 Garis panduan ini berkuatkuasa mulai

12. PENUTUP

- 12.1 Semua Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Sekian dan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK DR. JAMILI NAIS)

Setiausaha Tetap

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

“SABAH MAJU JAYA”